


Lelaki warga Thailand cuba seludup petrol ditahan



Kereta jenis Proton Wira digunakan untuk menyeludup petrol yang disita KPDNHEP Kelantan kelmarin.

JELI - Seorang lelaki warga Thailand ditahan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Kelantan selepas didapati cuba menyeludup petrol di sini kelmarin.

Pengaruhnya, Adnan Abd Rahman berkata, lelaki itu ditahan bersama 187.06 petrol RON95 bernilai RM389.10 yang diisi dalam tangki sebuah kereta jenis Proton Wira diubah ubah suai.

"Hasil risikan, anggota penguatan kuasa mengesyaki terdapat cubaan menyeludup barang kawalan itu ke negara jiran sebelum tindakan lanjut dijalankan.

"Pemilik kenderaan didapati membuat belian pada harga tidak munasabah dan semakan resit pembelian disahkan oleh stesen minyak berkenaan," katanya dalam satu kenyataan.

Adnan berkata, pihaknya turut menyita kenderaan digunakan yang dianggarkan bernilai RM6,000.

Beliau berkata, kejayaan itu adalah hasil maklumat risikan yang dijalankan anggota selain kerjasama daripada orang awam.

"Susulan itu, kita telah menahan lelaki berkenaan untuk membantu siasatan. Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.